



Politik Sarawak

Perspektif Penganalisis

Jeniri Amir



Politik Sarawak

Perspektif Penganalisis

Jeniri Amir

Universiti Malaysia Sarawak
2013

Politik Sarawak Perspektif Penganalisis

1. Pendahuluan	1
2. Masa Lalu dan Kehadiran Politik Sarawak	1
3. Analisa Politik Sarawak	1
4. Kebenaran Siaga Nasional	34
5. Kriteria Kerusi Parlimen	38
6. Menteri Teleng Jangka Hentam Keromo	42
7. Menamih Galongan Muda	45
8. Gendang Perang Mudai Pipida	49
9. Dapat Pungutan Negara Malaysia	53
10. Lant Chita Selatan Bukan Pemisahan	57
11. Memahami Permasalahan Politik Sarawak	61
12. Tampakan Persempit Muda	65
13. Mustahid Tujuan Universiti Malaysia Sarawak	69
14. 2013	71

© Jeniri Amir, 2013

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan oleh

Penerbit Universiti Malaysia Sarawak,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh,

Indah Business Forms Sdn Bhd
Lot 1191, Jalan Gedung
Pending Industrial Estate
93450 Kuching

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Jeniri Amir, 1959-

Politik Sarawak : perspektif penganalisis / Jeniri Amir.

ISBN 978-967-5527-51-7

1. Politics and culture--Sarawak. 2. Sarawak--Politics and government.

I. Title.

320.959522

Kandungan

Prakata

i

1. Peranan dan Tanggungjawab Pembangkang	1
2. Kuasa di Tangan Pengundi	5
3. Ibrahim Ali Tak Wajar 'Serang' Idris Jala	9
4. 12 Petanda Pilihan Raya Kian Dekat	13
5. Meramal Pilihan Raya Umum Ke-13	19
6. Angan-angan Kabinet Bayangan	24
7. Angka 9 membawa padah	27
8. Kebenaran Siapa Mahu Didengar	34
9. Kriteria Kerusi Panas	38
10. Menteri, Tolong Jangan Hentam Keromo	42
11. Menambat Golongan Muda	45
12. Gendang Perang Mulai Dipalu	49
13. Laut China Selatan Bukan Pemisah	53
14. Memahami Jiwa Pengundi Muda	60
15. Membedah Anatomi Politik Sarawak	63
16. Tampilkan Pemimpin Muda	76
17. Mustahil Tsunami Politik di Sabah, Sarawak	81

18. Bagaimana Nasib Calon Bebas?	85
19. Pembangunan Sabah, Sarawak Perlu Seiring Semenanjung	89
20. Penentu Survival BN	93
21. Pengalaman Menganalisis Perlakuan Pengundi	98
22. Menjejaki Pengundi Muda	103
23. Pendaftaran Automatik Matangkan Demokrasi	108
24. Mengapa Peratusan Pengundian Merosot?	113
25. Perebutan Kerusi Tanda Tak Sepakat	117
26. Ke Mana hala Tuju PBB	121
27. Meramal Nasib PBB	127
28. Pertandingan dalam PBB Suburkan Demokrasi	131
29. Siapa Pengganti Taib Mahmud?	136
30. Bahang Pilihan Raya	142
31. Pilihan Raya Sarawak Ke-10	147
32. Pilihan Raya Serentak Menepati 1 Malaysia	152
33. Perhitungan Pengundi Cina di Sibu	156
34. Pengundi Muda: Kuasa Politik Baharu	160
35. Mampukah Wakil Rakyat BN Hadapi Pembangkang di DUN?	165
36. Politik Ampu atau Bodek	168
37. Penampilan Calon Penting Untuk Menangi Hati Rakyat	174
38. Bajet 2010 Prihatin Terhadap Sabah, Sarawak	178
39. Implikasi Politik Bajet 2012	182
40. Undi: Senjata Golongan Lemah	192

41.	Langkah Tepat BN Tampil Muka Baharu	196
42.	Maksud Kembalinya Adenan dalam Politik Sarawak	201
43.	Mungkinkah pengundi Cina Sarawak ikut Galas, Batu Sapi?	206
44.	Politik Sabah dan Sarawak	211
45.	Kawasan Bidayuh: Air tenang, jangan sangka tak ada buaya	216
46.	Hari Penuh Debaran Bagi Calon	221
47.	Calon YB Disenangi Pengundi	225
48.	Generasi Dayak Moden Pengaruhi Landskap Politik Sarawak	229
49.	Pembangkang Berebut Kerusi Menjelang Pilihan Raya Sarawak	232
50.	Perhitungan Pilihan Raya Sarawak	237
51.	Memujuk dan Menunduk Pengundi di Sibu	241
52.	Mencari Calon Wakil Rakyat Berjiwa Rakyat	248
53.	BN Bakal Dihukum	253
54.	Keprihatinan Najib terhadap Sarawak	257
55.	Najib Selami Hati Rakyat	263
56.	Najib Jurujual Hebat Promosikan Calon BN	268
57.	Menilik Nasib Lima Kerusi di Miri	274
58.	Mengapa Adi dan Fatimah Tewas?	279
59.	Antara Kesinambungan dengan Perubahan	284
60.	Pilihan raya, Sabtu 16 April	307
61.	Sarawak Perlu Asah Pemimpin Berwibawa	311
62.	Sibu Tidak Memihak Kepada BN	315
63.	SUPP Berdepan Ujian Getir	320

64. Opera Cina Mainan SUPP	325
65. Isyarat dari Sibu kepada SUPP	331
66. Nasib SUPP dalam Pilihan Raya Negeri	337
67. Awan Mendung Selubungi SUPP	341
68. Menilik Sokongan Kaum Cina Terhadap SUPP	346
69. Kelebihan SUPP dalam pilihan Raya Sibu	350
70. SUPP Sakit Tenat	355
71. Kisah Peter Chin, Taib dan SUPP	358
72. SUPP Perlu Beri Perhatian Tuntutan Bidayuh	362
73. Analisis Pilihan Raya Sarawak	366
74. Benarkah Penyertaan SNAP Mantapkan PR?	378
75. SNAP Hadapi Hari Kelabu	382
76. Menjejaki Kembali Batang Ai	386
77. Beri Tempat Kepada Pegawai Sabah, Sarawak	390
78. Tanggungjawab Semua Sebarkan Makna Hari Malaysia	394
79. Status Bumiputera Sarawak Tak Berlandaskan 1 Malaysia	399
80. Kuching yang saya impikan	404
81. Masih di Belakang	409
82. Bila Jalan Selangau-Mukah siap?	414
83. Tanah Adat Bumiputera Menggelegak	419
84. Kontraktor Buat Kerja 'cincai', Kerajaan Terima Padah	423
85. Malapetaka sungai Rajang angkara pembalakan rakus	426
86. Pembangunan Luar Bandar Penuhi Aspirasi Rakyat	431

87. Pembangunan Terencat	435
88. Toleransi Pluralistik di Sarawak	440
89. Tangani Masalah Penan dengan Komitmen Jitu	444
90. Semangat Kental Foochow di Sibu	449
91. Akhbar Sarawak mencari arah	453
92. Demokrasi Digital: Facebook lawan Exercise book	458
93. Kuasa Media dalam Pilihan Raya Sibu	463
94. Manifesto Pilihan Raya: Menjual Janji dan Harapan	469
95. Strategi Pemasaran Politik DAP	474
96. Kutuhan Perpaduan Kuatkan SUPP	478
97. BN Dijangka Terus Kuasai Putrajaya	482

Indeks

487

masuk bersama-sama ke dalam sebuah buku yang dibuat oleh seorang ahli berkenaan dengan media sosial. Dalam buku ini, saya memberikan penjelasan tentang media sosial dan bagaimana ia berfungsi dalam politik. Selain itu, saya juga memberikan saran tentang bagaimana untuk menggunakan media sosial untuk membangun kesadaran akan politik. Saya percaya bahawa media sosial adalah alat yang penting dalam politik dan ia boleh membantu dalam menghasilkan perubahan positif.

Bagi saya, langkah editor berkenaan memenuhi golongan tertentu yang berminat pada politik. Melalui kolumnya tersebut, saya dapat menyampaikan masalah-masalah politik yang relevan dengan peristiwa dunia. Saya juga memberikan saran dan panduan kepada pembaca agar mereka dapat memahami politik dengan lebih baik. Selain itu, saya juga memberikan saran dan panduan tentang bagaimana untuk menggunakan media sosial untuk membangun kesadaran akan politik. Saya percaya bahawa media sosial adalah alat yang penting dalam politik dan ia boleh membantu dalam menghasilkan perubahan positif.

Prakata

Saya telah diminta untuk menulis kolum dalam akhbar *Berita Harian*, *Sarawak Update* dan *Malaysiakini* mulai tahun 2009. Semua kolum itu ditulis atas undangan editor akhbar atau portal berita berkenaan. Namun, kolum dalam *Malaysiakini* tidak dapat bertahan lama atas alasan tertentu. Kolum *Berita Harian* dan *Sarawak Update* bertahan selama dua tahun. Ada ketikanya saya telah menulis tiga kolum dalam seminggu. Saya perlu menepati batas waktu yang ditetapkan oleh editor agar tidak mengganggu proses penerbitan dan penyiaran. Disiplin, komitmen dan kesungguhan amat penting bagi penulis kolum. Tanpa disiplin dan sikap bertanggungjawab, pasti kolum tidak dapat ditulis mengikut waktu yang ditetapkan.

Portal berita atau akhbar berkenaan mempunyai golongan sasar masing-masing. Jika *Berita Harian* dibaca oleh umum, dua portal berita berkenaan dibaca oleh mereka yang lebih berminat dalam politik. Selama menulis untuk media berkenaan, saya telah diminta untuk menulis isu tentang Sarawak.

Bagi saya, langkah editor berkenaan mengundang saya menulis tentang Sarawak memang tepat. Melalui kolum tersebut saya dapat mengangkat dan membincangkan isu yang saya fikir relevan dan perlu diketahui oleh khalayak nasional. Sejak dahulu lagi saya berpendapat bahawa media nasional seharusnya turut memainkan peranan untuk menjadi wadah bagi mewujudkan kesepadan sosial dan integrasi sosial. Laut China Selatan tidak harus menjadi pemisah. Jadi, apabila editor berkenaan meminta saya menulis isu semasa dan penting mengenai Sarawak, maka saya bukan sahaja menganggap undangan itu sebagai satu peluang keemasan untuk saya mengemukakan suara dari Sarawak, tetapi peluang terbaik untuk mengongsikan pandangan saya tentang isu politik, sosial, pelajaran, ekonomi, alam sekitar, media dan etnik di Sarawak.

Sesungguhnya, selaras dengan gagasan 1Malaysia, kolumn yang mengupas tentang isu Sarawak dapat menjadi jambatan emosi dan minda antara rakyat di Sarawak dengan mereka di Semenanjung dan Sabah. Tambahan pula, bagi saya, bukan selalu penulis dari Sarawak diberi peluang sedemikian. Maka, saya telah memanfaatkan peluang berkenaan sebaik mungkin untuk membincangkan pelbagai isu penting.

Kolumn mingguan bukan mudah ditulis. Selain sentiasa didesak oleh hambatan waktu kerana komitmen tugas rasmi, kadangkala ada ketikanya saya berdepan dengan masalah memilih isu yang sesuai untuk ditulis. Tetapi pada amnya, saya sentiasa mempunyai isu untuk diketengahkan. Yang penting bagi penulis kolumn, ialah dia perlu tahu sudut atau perspektif yang hendak dikupas. Untuk itu, saya telah membaca pelbagai bahan berita dan mengikuti perkembangan di peringkat negeri, negara atau dunia.

Melalui kolumn itu, saya telah berusaha sebaik mungkin untuk menulis secara objektif, tepat, berterus terang dan seimbang. Kolumn ditulis bukan sekadar untuk mengisi halaman; sebaliknya melalui kolumn penulis perlu mengetengahkan pandangan, komen dan kritikannya dengan berani dan bertanggungjawab. Kolumn yang baik mengetengahkan pandangan dan kritikan tanpa rasa gentar. Kolumn yang mengampu tidak akan dibaca. Pembaca yang kritis mahu kolumn yang digarap dengan fakta, maklumat dan tanggapan yang tajam. Untuk *Sarawak Update* saya banyak menumpukan perhatian kepada persoalan politik dan pilhan raya sesuai dengan kehendak editor dan sasaran portal berita itu. Kupasan saya tentang politik Sarawak khususnya digemari oleh pembaca, terutamanya menjelang pilihan raya Sarawak pada 16 April 2011. Tulisan saya adalah bersandarkan fakta dan penyelidikan; dan bukannya imaginasi liar. Justeru, jika ada ramalan tentang tarikh dan keputusan tentang jumlah kerusi yang dijangka dimenangi oleh sesebuah parti, maka analisis dan ramalan itu adalah bersandarkan hasil penyelidikan. Berbeza daripada eseai atau artikel ilmiah, saya menggunakan gaya yang santai untuk kolumn saya. Saya percaya, teknik retorik yang sesuai dan berkesan perlu diterapkan dalam kolumn supaya mudah dan seronok dibaca.

Beberapa orang teman telah meminta agar tulisan saya dihimpunkan bagi memudahkan pembaca merujuk dan membaca kolumn berkenaan. Memang tidak mudah untuk mengumpul tulisan yang bertebaran apatah lagi, saya tidak begitu sistematik dari segi penyimpanan tulisan yang telah saya hasilkan. Namun, saya percaya, tulisan ini ada manfaatnya, khususnya bagi mereka yang ingin mengetahui tentang Sarawak. Jadi, anggaplah tulisan ini yang ditulis dengan jujur, objektif dan penuh tanggungjawab sebagai usaha untuk merakamkan dan mengetengahkan isu yang difikirkan relevan. Kritikan, pandangan dan cadangan yang dikemukakan masih lagi relevan sampai bila-bila.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua editor terbabit, khususnya kepada Kadir Dikoh dan Abdul Hakim Bujang kerana memberi peluang kepada saya untuk muncul sebagai kolumnis. Terima kasih juga kepada pembaca yang mengikuti kolumn saya selama dua tahun. Maklum balas dan komen mereka telah memberi kekuatan dan semangat kepada saya untuk menghasilkan tulisan berkenaan.

Dr Jeniri Amir
Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan

Seorang teman mengacaukan bagaimana selepas Pilihan Raya Umum ke-13 pada Jun 2008, seorang priant letak berundak dalam kerajaan berianya kepada beliau: "Henalkah kerajaan?" Ya, bagi sesetengah orang, kerajaan boleh menjadi pembangkang dan pembangkang boleh menjadi kerajaan. Tidak mungkin pembangkang dapat menjadi kerajaan dan memerintah negara.

Sebenarnya, mereka kerajaan siapapun dengan Barisan Nasional (BN) dan BN siapapun dengan kerajaan. Kedua-duanya tidak mungkin boleh dipisahkan. Halitinya, dalam sistem demokrasi, kerajaan boleh menjadi pembangkang dan pembangkang boleh menjadi kerajaan. Pembangkang dapat menjadi kumpulan politik alternatif dan seterusnya mengantikan kerajaan jika mereka dapat menawarkan dasar perjuangan dan ideologi yang lebih baik daripada parti yang memerintah. Mereka perlu mendapat mandat daripada rakyat melalui pilihan raya. Kita cehah menyaksikan bagaimana negeri yang suatu ketika dahulu diakludi BN selepas

1

Peranan dan Tanggungjawab Pembangkang

Seorang teman mengisahkan bagaimana selepas Pilihan Raya Umum (PRU) 2008, seorang petani lelaki berusia dalam lingkungan 60-an, di luar bandar, bertanya kepada beliau: "Betulkah pembangkang dapat menjadi kerajaan?" Ya, bagi sesetengah orang, pembangkang tetap akan terus menjadi pembangkang dan kerajaan akan terus kekal sebagai kerajaan. Tidak mungkin pembangkang dapat menjadi kerajaan dan memerintah negara.

Bagi mereka, kerajaan sinonim dengan Barisan Nasional (BN) dan BN sinonim dengan kerajaan. Kedua-duanya tidak mungkin boleh dipisahkan. Hakikatnya, dalam sistem demokrasi, kerajaan boleh menjadi pembangkang dan pembangkang boleh menjadi kerajaan. Pembangkang dapat menjadi kumpulan politik alternatif dan seterusnya menggantikan kerajaan jika mereka dapat menawarkan dasar, perjuangan dan ideologi yang lebih baik daripada parti yang memerintah. Mereka perlu mendapat mandat daripada rakyat melalui pilihan raya. Kita telah menyaksikan bagaimana negeri yang suatu ketika dahulu ditakluki BN, selepas

PRU ke-12 pada 2008, kini dikuasai oleh Pakatan Rakyat – DAP, PAS dan PKR.

Tidak banyak parti pemerintah yang kekal selepas lama berkuasa. Boleh dikatakan, disebabkan kelemahan, kealpaan dan keangkuhan, ada parti yang kecundang kerana disingkirkan oleh rakyat yang sudah muak dengan kepemimpinan yang tidak lagi selari dengan kehendak dan aspirasi rakyat. Banyak contoh di dunia ini. Turun naiknya sesebuah parti dalam sejarah politik di Amerika Syarikat, United Kingdom, Thailand, malah Indonesia sudah menjadi catatan sejarah. Pertanyaan daripada seorang lelaki yang dikatakan awal tadi, mencerminkan tahap celik politik dalam kalangan sebahagian rakyat dan pengundi di negara kita.

Rendahnya pengetahuan mereka tentang maksud demokrasi dan pilihan raya ada kaitan dengan tahap pendidikan dan kematangan politik mereka. Pengundi yang tidak celik politik inilah yang terus tertawan minda mereka dan menjadi penyokong setia BN. Keadaan menjadi lebih rumit apabila BN terus memasakkan ke dalam minda dan jiwa mereka, bahawa hanya BN yang dapat memerintah. Parti pembangkang hanya menjual air liur. Pembangkang hanya pandai menabur janji. Pembangkang tidak akan dapat membawa pembangunan. Dan banyak lagi kelemahan serta ketidakupayaan lain.

Dalam sistem demokrasi dan hegemoni politik, kewujudan pembangkang bukanlah baharu, malah pembangkang diperlukan bagi menyemarakkan demokrasi. Tanpa pembangkang, demokrasi tidak akan berapa segar. Hakikatnya, pembangkang sama tua dengan demokrasi dan pilihan raya, dan juga kerajaan. Dalam pilihan raya, parti yang menang majoriti diangkat menjadi kerajaan, manakala yang tewas bertindak sebagai pembangkang.

Dalam proses pendemokrasian politik, peranan pembangkang perlu diiktiraf. Pembangkang perlu diberi tempat bagi memastikan mereka juga dapat memainkan peranan sesuai

dengan kehendak rakyat dan tuntutan demokrasi. Pembangkang dan kepembangkangan bertanggungjawab penting bagi memastikan kita dapat menuju ke arah negara demokrasi yang matang. Tindakan kerajaan memperlekeh pembangkang adalah keterlaluan. Pembangkang dapat memainkan peranan yang berkesan jika mereka tahu akan peranan mereka, apatah lagi mereka terdiri daripada parti yang sah di sisi perlombagaan dan undang-undang.

Sebagai rakyat yang menjunjung tinggi demokrasi, saya mengharapkan agar pembangkang bersifat bertanggungjawab. Saya ingin melihat lahirnya pembangkang yang arif, matang dan amanah. Saya mahu melihat pembangkang yang berani memperjuangkan hak dan kepentingan rakyat dengan sikap yang bertanggungjawab. Saya mahu melihat pembangkang yang gigih dan berani membongkar kebobrokan kerajaan. Membangkang semata-mata untuk membangkang tidak wajar dilakukan. Tetapi kadangkala pembangkang dipersepsikan sebagai hanya membangkang untuk kepentingan politik, membangkang tanpa asas atau justifikasi yang kuat. Biarlah pembangkang berperanan sebagai kuasa semak dan imbang dalam sistem demokrasi.

Biarlah pembangkang menegakkan kebenaran bagi mengelakkan salah guna kuasa dan rasuah. Tentu sebagai pengundi kita tidak mahu melihat pemimpin politik atau kerajaan yang mengamalkan rasuah, nepotisme dan kronisme. Kita tentu tidak mahu wujudnya pemimpin yang gila kuasa dan rakus dengan kuasanya, dengan membolot kekayaan negeri dan negara. Kita tidak mahu kekayaan negara ini dieksplotasikan oleh pemimpin berkenaan hanya untuk anak, keluarga dan kroninya. Tentu menjadi tugas dan tanggungjawab pembangkang untuk memastikan kerajaan berada di atas landasan yang betul – bersih, amanah, bertanggungjawab. Justeru, pembangkang perlu mengkritik dengan objektif, bertanggungjawab dan ikhlas tentang kelemahan dan kekurangan dasar kerajaan agar dasar berkenaan atau pelaksanaan dasar itu dapat dibaiki. Untuk itu, pembangkang perlu diberi ruang untuk mengemukakan kritikan.

Suara pembangkang yang terlalu ditekan, samalah juga dengan suara rakyat yang ditekan. Suara pembangkang mencerminkan suara sebahagian suara rakyat atau pengundi yang memilih mereka ke Dewan Undangan Negeri atau Dewan Rakyat. Jadi, berilah ruang kepada mereka untuk bersuara. Tindakan menyekat suara mereka melalui pelbagai strategi dan helah dalam Dewan tidak harus diamalkan.

2

Kuasa di Tangan Pengundi

Pagi 15 April 2011, sehari sebelum hari mengundi dalam pilihan raya negeri Sarawak, saya minum di sebuah kedai kopi di kawasan Satok. Sejak pagi lagi kedai itu penuh sesak dengan pengunjung. Yang menarik, sebahagian pengunjung ke situ bukan sangat hendak makan atau minum, tetapi lebih kerana hendak membincangkan kemungkinan yang berlaku pada hari pengundian. Saya diajak ke situ oleh seorang rakan yang ingin mengetahui pandangan dan analisis saya tentang jumlah kerusi hitam, kelabu hitam, kelabu dan putih. Hitam bermaksud kerusi yang BN akan kalah, manakala kelabu hitam ialah kerusi yang kemungkinan BN akan kalah.

Saya melihat begitu banyak orang ternama, ahli politik pembangkang dan Barisan Nasional, wakil rakyat dan mantan menteri, editor akhbar nasional, penganalisis politik, perantara TV terkemuka, dan ahli profesional berhimpun di situ. Semua perbincangan bertumpu kepada berapa kerusi pembangkang dapat kuasai – dan bukannya berapa kerusi dapat dikekalkan dan

dimenangi BN. Hari ini merupakan hari penentuan nasib 213 orang calon. Sekitar 980,000 orang pengundi ke pusat pengundian bagi membuat pilihan. Nasib calon berada di tangan pengundi pelbagai kaum, di kota, bandar dan desa, tidak kira mereka petani, nelayan, guru, atau golongan profesional.

Jika dilihat sambutan terhadap ceramah Pakatan Rakyat di Pasar Stutong malam tadi, kita boleh anggap sambutan amat luar biasa hebatnya. Pemimpin politik mereka yang terkenal dengan kemahiran berucap mampu menawan khayal dengan mesej, retorik dan penyampaian mereka. Barangkali selepas ini, pemimpin politik BN perlu mempertajam kemahiran mereka berpidato dan berucap. Orang ramai berpusu-pusu mahu mendengar pemimpin pembangkang berucap. Adakah semua itu akan dimanifestasikan di peti undi? Adakah DAP dan PKR akan dapat menguasai lima kerusi majoriti Cina dan sebahagian pengundi Cina di Kuching: Pending, Padungan, Batu Lintang, dan Kota Sentosa?

Pada pagi ini, saya menjangkakan kedai kopitiam akan terus sesak dengan orang ramai, dengan sebahagiannya memegang akhbar. Perbincangan pasti bertambah rancak. Tukang ramal akan meramalkan segala kemungkinan.

Angka yang diberi adalah pelbagai. Ada yang mengatakan bahawa BN akan kalah di 15 kerusi, manakala tidak kurang juga yang memberi angka yang jauh lebih tinggi, iaitu sehingga 23 kerusi. Sesetengah pemimpin Pakatan Rakyat begitu yakin mereka dapat menumbangkan kerajaan BN. Politik, sentimen politik dan perlakuan pengundi sukar diramalkan. Ia bukan angka matematik yang boleh ditolak dan didarab sesuka hati kerana semuanya melibatkan sentimen pengundi. Sentimen pengundi berkaitan dengan persepsi mereka terhadap parti atau calon yang bertanding.

Adakah mereka puas hati dengan parti pemerintah, calon bertanding atau bagaimana? Maksudnya, jika hendak menawan hati rakyat, parti atau calon perlu dilihat komited untuk melindungi

dan memperjuangkan nasib, kepentingan dan kebajikan rakyat. Adakah calon itu dilihat mesra rakyat, angkuh, prihatin terhadap nasib rakyat atau hanya menunjukkan batang hidung menjelang pilihan raya? Adakah calon itu seorang yang dipersepsikan sebagai mampu memperjuangkan nasib rakyat, berwibawa dan bersih? Adakah parti politik diwakilinya mampu membawa pembaharuan dan pembangunan?

Jika mereka kecewa dengan dasar pemerintah atau kecewa dan marah dengan calon bertanding, kemungkinan besar mereka akan melakukan sesuatu yang tidak memihak kepada calon terbabit. Pengundi terbabit mengundi berdasarkan sentimen dan sentimen memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana calon menang atau tewas dalam pilihan raya. Apa-apa pun ramalan orang ramai, saya masih percaya bahawa BN mampu mengekalkan dua per tiga. Resipi untuk tsunami besar belum ada lagi, tetapi mungkin akan berlaku 10 tahun lagi. Maksudnya, sebahagian besar daripada 980,000 pengundi masih mahu BN meneruskan kuasa. Namun, jumlah kerusi yang dimenangi BN tidak mungkin lebih banyak daripada pilihan raya 2006. Ini mungkin satu berita buruk, tetapi inilah gambaran sentimen di peringkat akar umbi.

Ketika duduk di kedai kopi, ada rakan yang mengatakan bahawa beberapa kerusi yang dijangka menang akan kalah. Mungkinkah SUPP dapat menawan semula Maradong? Mungkinkah kerusi BN di Pelagus, Krian, Jemoreng, malah Layar akan kalah? Tetapi segalanya akan jelas ketika keputusan mulai diketahui malam ini, baik melalui portal berita maupun kaca TV.

Berdasarkan tinjauan akar umbi dan soal selidik dua bulan lalu, saya boleh merumuskan bahawa sekitar 70 peratus pengundi, terutama di luar bandar dan pedalaman masih mahu melihat kesinambungan. Mereka percaya BN merupakan parti yang boleh dijadikan sandaran untuk menjamin masa depan mereka. Mereka puas hati dengan *track record* atau pencapaian BN setakat ini, meskipun terdapat beberapa isu masih lagi menjadi duri dalam

daging. Mereka puas hati dengan usaha yang dilakukan untuk membawa pembangunan, menyelesaikan kadar jenayah dan pendidikan. Tetapi, mereka mahu kerajaan membaiki soal tadbir urus.

Tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah berjanji untuk menangani kelemahan. Beliau secara jujur mengakui bahawa parti komponen BN Sarawak bukanlah serba sempurna. Adakah parti yang sempurna? Adakah pakatan pembangkang sempurna? Ya, adakah manusia yang sempurna? Najib mengakui bahawa SUPP dan BN telah membuat kesilapan. "Apa yang tidak betul akan kita perbetulkan," kata beliau di Miri. BN di bawah pimpinan beliau berjanji untuk menyesuaikan dasar yang tidak kena, malah beliau mengakui proses peralihan kuasa sedang berlaku. Kita perlu mempercayai kata-kata Najib kerana beliau boleh dikatakan pemimpin yang komited, ikhlas dan jujur untuk membantu Sarawak.

Ibrahim Ali Tak Wajar Serang Idris Jala

Saya tidak pernah mengenali Datuk Ibrahim Ali, Ahli Parlimen Pasir Mas secara dekat. Saya hanya mengenali beliau melalui media. Sejak beberapa lama, nama Ibrahim sentiasa menggelegak di halaman media, termasuk di alam maya, lebih-lebih lagi sesudah menerajui Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa). Sebahagiannya lebih kerana komen dan kenyataan kontroversi beliau yang dianggap menentang arus. Terbaru, melalui ucapannya di Dewan Rakyat, Ibrahim mengeluarkan kenyataan yang tidak kurang kontroversi dan hangat apabila meminta Datuk Seri Idris Jala berundur sebagai menteri.

Beliau meminta Perdana Menteri mempertimbangkan untuk menggugurkan anak Kelabit dari Sarawak itu daripada meneruskan tugasnya sebagai menteri tanpa portfolio di Jabatan Perdana Menteri. Ibrahim berpendapat pencapaian Idris sebagai anggota Kabinet tidak seiring dengan pencapaiannya sebagai peneraju dalam sektor swasta. Kenyataan Ibrahim ketika mengulas Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) itu bukan

saja mengejutkan, tetapi tidak masuk akal. Apakah tujuan Ibrahim yang bermulut celopar itu berbuat demikian? Adakah wajar Idris berundur semata-mata kerana membuat kenyataan yang disifatkan tidak patut? Baru-baru ini, ketika membentangkan rancangan kerajaan untuk mengurangkan subsidi elektrik, gula, makanan, dan petrol, Idris mendakwa bahawa negara ini akan muflis seperti Greece menjelang 2019 jika langkah tidak diambil untuk memotong subsidi.

Pada tahun lalu, Idris berkata, Malaysia terpaksa membelanjakan RM74 bilion untuk tujuan subsidi. Sampai bilakah negara ini dapat terus bergantung pada subsidi? Dalam usaha untuk meyakinkan rakyat, kenyataan Idris disifatkan sesetengah pihak sebagai keterlaluan. Ibrahim memang watak yang menarik. Laluan politiknya begitu berwarna-warni dan berliku-liku, tetapi beliau tetap terus bernafas dalam politik meskipun terpaksa berdepan pelbagai rintangan dan cabaran. Menariknya watak Ibrahim terletak kepada cara beliau bercakap dan kenyataan yang dikeluarkannya. Ketika sebahagian besar pemimpin politik dilihat berhati-hati mengeluarkan kenyataan, lebih-lebih lagi yang sensitif dan dapat mencetuskan kontroversi, Ibrahim kelihatan tidak peduli, malah boleh dianggap lepas cakap. Ibrahim tidak berpegang kepada peribahasa, cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar. Sebaliknya, bagi beliau, perkataan apa-apa yang patut diperkatakan, asalkan hati puas.

Hari ini, Ibrahim mempunyai bukan sedikit musuh meskipun tidak dinafikan beliau turut mempunyai penyokong yang sealiran pemikiran dengannya. Berdasarkan kenyataannya yang disiarkan dalam portal berita, begitu banyak komen negatif menyerang Ibrahim, sebahagiannya tidak layak pun disiarkan di halaman ini. Tetapi kelihatannya, Ibrahim tidak mempedulikan semua itu, malah beliau kelihatan seronok apabila kenyataannya mendapat perhatian dan reaksi yang tidak kurang panas daripada pihak yang menjadi sasarannya.

Berbanding Ibrahim, saya mengenali Idris sejak kami sama-sama menuntut dalam Tingkatan Enam di Kolej Tun Datuk Tuanku Haji Bujang, Miri pada 1976 hingga ke hari ini kami sama-sama melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1978 biarpun dalam bidang berlainan. Idris yang saya kenali adalah seorang pelajar pintar, malah menjadi ketua pengawas kami 34 tahun lalu. Beliau begitu gemar memetik gitar pada sebelah petang di bawah pokok di belakang asrama kami, dengan lagu popular "Hotel California". Di USM, beliau bersama-sama dua lagi pelajar dari Sarawak meraih ijazah kelas kedua atas untuk program pengajian pembangunan yang diikutinya. Ketika itu, tidak ada seorang pun yang mendapat ijazah kelas pertama. Tidak terlintas di fikiran pemegang ijazah Sarjana dari Warwick University, United Kingdom itu untuk menjadi Senator, apatah lagi menteri. Bukan beliau yang memohon jawatan itu, tetapi atas keyakinan dan kepercayaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak kerana kemampuan, bakat dan potensi beliau.

Idris menjadi Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MAS pada Disember 2005, sesudah syarikat penerbangan itu mengalami kerugian paling besar dalam sejarah korporatnya. Sebelum menyertai Malaysia Airlines, Idris berkhidmat selama 23 tahun dengan Shell. Antara 2002 dan 2005, Idris ialah Pengarah Urusan Shell MDS (Malaysia) dan Naib Presiden Shell Malaysia Gas & Power (Malaysia). Antara 2000 dan 2002, Idris adalah Naib Presiden Pemasaran Runcit, Shell International. Beliau juga naib presiden perundingan pembangunan perniagaan apabila menerajui pasukan atasan perunding dalaman mengenai projek penambahbaikan perniagaan radikal, memperbaharui model perniagaan runcit global Shell bagi mencapai pertumbuhan menguntungkan. Antara 1998 dan 2000, Idris adalah Pengarah Urusan Shell Sri Lanka. Beliau membantu memulihkan perniagaan LPG Shell di Sri Lanka.

Idris tidak mempunyai kepentingan politik dan sentiasa berusaha untuk membantu kerajaan dan rakyat dengan melakukan sesuatu di luar kotak kebiasaan. Jika kita masih ingat, ketika

menerajui MAS, bukan tidak pernah pelbagai pihak mendesak supaya Idris berundur kerana dianggap mengambil tindakan yang merugikan MAS. Tetapi ternyata kemudiannya, MAS meraih keuntungan AS\$260 juta pada 2007 – rekod tertinggi pernah dicatatkan – ekoran pelan transformasi beliau. Justeru, wajarkah orang seperti Ibrahim yang belum lagi terbukti keupayaan dan kehebatannya, meminta supaya Idris berundur daripada Kabinet?